

40 Pelajar Sertai Bengkel Pengurusan Penampilan dan Imej

Terakhir dikemaskini: Rabu, 28 Jun 2017 17:53 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 564

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

RABU, 28 JUN - Seramai 40 pelajar wanita Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai Bengkel Pengurusan Penampilan dan Imej (BPPI) yang dianjurkan Persatuan Mahasiswa Psikologi dan Pendidikan (PERMAPS) baru-baru ini.

Bertempat di Dewan Kuliah Pusat 29, bengkel tersebut diadakan dengan kerjasama Charismatic Leaders Academy (CLA).

Menurut kenyataan PERMAPS, antara aktiviti yang dijalankan termasuklah taklimat bertajuk “Building Confidence:

Attitudes & Attire”, sesi bual bicara kecantikan dan keyakinan diri serta kelas solekan “Night & Day Look”.

Menurut kenyataan itu lagi, bengkel tersebut dilaksanakan bagi mendidik para peserta mengenai pentingnya penjagaan penampilan dan imej dalam pembentukan sahsiah diri seseorang yang bergelar mahasiswa.

Majlis perasmianya disempurnakan Pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Dr. Crispina Gregory K. Han.

Dalam ucapannya, beliau berharap agar program seumpama itu dapat diteruskan kerana mampu memberi pelbagai manfaat khususnya dalam mendidik para pelajar dalam aspek penampilan sekali gus meningkatkan keyakinan diri.

Sumber: PERMAPS